

Kuala Lumpur - 31 Mei 2019 – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) telah melancarkan program *Pay it Forward – Feel and Feed*, melibatkan penjualan makanan dimana keuntungannya digunakan untuk menganjurkan sebuah majlis berbuka puasa berkonsepkan bufet untuk kanak-kanak kurang berkemampuan bersama keluarga mereka.

Pada 23 Mei, kanak-kanak yang menerima bantuan Baitulmal di Sekolah Agama Al-Alusi bersama keluarga mereka dan kanak-kanak dari Rumah Amal Asnaf Al Barakh telah dihidangkan dengan juadah berbuka yang istimewa. Ketua bahagian Penjenamaan & Komunikasi Pemasaran, Tengku Sheila Tengku Azib juga telah mengedarkan duit raya kepada 80 kanak-kanak daripada Al-Alusi dan Asnaf Al Barakh.

Projek sepanjang bulan ini disokong oleh CEO GETB Shahrul Azlan Shahriman dengan menasihati tenaga kerja Great Eastern agar memberikan sokongan mereka terhadap projek CSR ini, terutama sekali pada bulan Ramadan, yang merupakan bulan untuk beramal.

“Seringkali apabila kita berfikir berkenaan dengan makanan, kita akan pertimbangkan apa dan dimana untuk makan, dan bukan mampukah kita untuk makan.

“Ini adalah satu peringatan untuk kita bersyukur dengan nikmat yang kita perolehi, oleh itu, pada Ramadan tahun ini, ayuh kita bersedekah dan beramal,” tulis CEO di dalam e-mel kepada tenaga kerja Great Eastern pada permulaan bulan puasa ini.

Ini telah mendatangkan kesan yang amat memuaskan – kakitangan GETB telah membeli juadah sebanyak 640 bekas makanan, lalu keuntungan tersebut digunakan sebagai dana berbuka puasa serta duit raya untuk kanak-kanak kedua-dua buah organisasi tersebut pada 23 Mei.

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usaha sama di antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Syarikat telah mencapai pelbagai kemajuan di mana ia dinamakan ‘Institusi Terbaru Islamik Terbaik 2011’; ‘Institusi Terbaru Takaful Terbaik’ pada 2012; dan ‘Pengendali Takaful Terbaik (Asia)’ pada 2013 di ‘Islamic Business & Finance Awards’ di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad telah memenangi anugerah untuk ‘Fastest Growing Takaful Company in Malaysia’ daripada International Finance, penerbitan analisis premium dan perniagaan di United Kingdom.

Kerajaan Malaysia juga telah melantik Great Eastern Takaful Berhad sebagai pengurus mySalam, skim perlindungan nasional, di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi: Ann Jennifer Gomez, Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi Pemasaran, Tel: 03 4259 8336 atau emel:annjennifergomez@greateasterntakaful.com